

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Ekonomi domestik stabil sokong pasaran buruh

Ekonomi domestik stabil sokong pasaran buruh

Pasaran pekerjaan dijangka kekal stabil pada bulan-bulan akan datang didorong oleh ekonomi domestik yang masih berdaya tahan, demikian menurut penganalisis.

Trajektori positif itu dijangka menjana peningkatan permintaan untuk pekerjaan, bertindak sebagai pemacu penting untuk penstabilan berterusan ekonomi.

Penganalisis TA Securities Holdings Bhd, Farid Burhanuddin, berkata firma penyelidikan pasaran itu menjangkakan kadar pengangguran akan berada serendah 3.4 peratus menjelang akhir 2023 dan secara purata pada sekitar 3.5 peratus tahun ini berbanding purata kira-kira 3.8 peratus tahun lalu.

Katanya, TA Securities menjangkakan peningkatan 2.2 peratus dalam tenaga kerja dan peningkatan 2.5 peratus dalam angka guna tenaga, lebih rendah berbanding masing-masing 2.6 peratus dan 3.5 peratus yang dicatatkan pada 2022.

"Bilangan penganggur pula dijangka berkurangan sebanyak 7.3 peratus tahun ini. Walaupun penurunan ini ketara, ia mewakili pengurangan yang kurang ketara berbanding penyusutan besar 14.8 peratus yang disaksi-



TA Securities menjangkakan kadar pengangguran akan berada serendah 3.4 peratus menjelang akhir 2023.

(Foto hiasan)

kan pada 2022," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Farid berkata, dengan kestabilan pasaran pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan, Malaysia menawarkan peluang pelaburan yang cerah dalam pasaran pekerjaannya.

Beliau berkata, trajektori meningkat itu bukan saja memupuk keyakinan dalam kalangan bakal pelabur tetapi juga bertindak sebagai pemangkin untuk kemunculan prospek perniagaan

an baharu.

"Berikutan itu, keadaan yang menggalakkan ini menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan dan keseluruhan pembangunan negara," katanya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa bilangan penduduk bekerja pada Mei 2023 meningkat secara berterusan, dengan pertambahan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.28 juta orang berbanding April 2023 sebanyak 16.25 juta orang.

Kadar pengangguran susul

Sementara itu, DOSM berkata, bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2023, merekodkan 584,600 orang dengan kadar pengangguran 3.5 peratus.

Dari segi prestasi keseluruhan bagi Mei 2023, DOSM melaporkan bahawa pasaran buruh dilihat terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang stabil.

Kadar pengangguran bagi belia berusia 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 11 peratus dengan jumlah 313,000.

Manakala, kadar pengangguran dalam kalangan belia berusia 15 hingga 30 tahun meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 7.0 peratus, dengan 448,600 penganggur.

Dari segi sektor ekonomi, sektor perkhidmatan terus mencatatkan trend positif dalam bilangan penduduk pekerja, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; perdagangan borong & runcit; dan maklumat & komunikasi.

Trend sama dalam guna tenaga juga dilihat dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan & pengkuarian serta pertanian.